



Anwar meninjau gerai dan beramah mesra bersama penjaja sempena Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen PICCA di Butterworth, semalam.

(Foto Dania Saad/BH)

T15 ambil kira pelbagai faktor

Penelitian dilaksana lebih menyeluruh elak bebaskan rakyat

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Penetapan kategori T15 akan mengambil kira pelbagai faktor supaya tidak membebaskan termasuk jumlah anak yang masih bersekolah atau di institusi pengajian tinggi (IPT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata malah pendapatan isi rumah RM13,000 seperti dicadangkan Jabatan Perangkaan (DOSM) dimasukkan dalam kategori T15 juga dilihat rendah dan kerajaan masih

mengkaji perkara itu sebelum pengkelasan golongan berkenaan diperkenalkan.

"Kita sedang kaji kerana bimbang dan takut apabila diperkenalkan (klasifikasi golongan T15) mungkin gaji (dia) RM13,000 (sebulan), tetapi ada lima orang anak dan dua di universiti yang apabila kita tarik subsidi, maka akan menyusahkan.

Tidak tambah cukai

Ketika membentangkan Belanjaan 2025, Anwar berkata, kategori T15 tidak lagi akan menikmati subsidi petrol RON95.

"(Bagaimanapun) bagi mereka yang di rumahnya ada sampai tujuh kipas dan enam penghawa dingin (berkemampuan) bayarlah sikit yang bukan bayar cukai tambahan tapi bayar (RON95) ikut kadar pasaran.

"Yang kita tarik subsidi itu (bukan) untuk rakyat susah atau

kelas menengah, namun saya tegaskan yang kita tarik subsidi hanya untuk 15 peratus (T15) dan itu pun kita masih kaji.

"Pendapatan RM13,000 (itu pun) rendah dan kita akan tingkatkan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen PICCA, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, ahli politik termasuk pembangkang sepatutnya membela 85 peratus rakyat yang masih menikmati subsidi.

"Di Parlimen, dia berucap pertahankan golongan kaya dan maha kaya tapi apabila masuk kampung, kami pembela Melayu.

"Kita (kerajaan) tak tambah cukai tapi kita hanya tarik subsidi. Bila kita tarik subsidi (daripada orang kaya) baru kita ada duit bantu orang miskin," katanya.